

Buletin Pendaftaran

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

EDISI
JAN - MAC
2020

#kitaUiTM

Pejabat Pendaftaran
Aras 3, Canseleri Tuanku
Syed Sirajuddin,
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor

CANSELERI TUANKU SYED SIRAJUDDIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

**PERTANDINGAN
TENPIN BOLLING**
PEJABAT PENDAFTAR UiTM
TAHUN 2020



Sesi Penyerahan Sasaran
Petunjuk Prestasi UiTM Bagi
Tahun 2020 Kepada Fakulti
dan UiTM Cawangan

Penglibatan BPD Dalam
Taskforce Perjawatan,
Pengambilan dan Kenaikan
Pangkat Serta Inisiatif
Universiti Awam

Naziran Perlaksanaan dan
Mesyuarat Bersama MBJ

Kursus Kumpulan Inovatif dan
Kreatif (KIK) Pejabat Pendaftaran

Bengkel Perancangan
Strategik Pejabat Pendaftaran

Program **VCC@BPD**

Bengkel Strategi Via Sinergi@BPD
Tahun 2020 : UiTM 2025

Bengkel Kumpulan Inovatif
dan Kreatif (KIK)
Pejabat Pendaftaran

Kursus Literasi ICT@BPD Siri 1

Selamat Tahun Baharu 2020

UiTM *di hatiku*

NAZIRAN PELAKSANAAN DAN PERJALANAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN DI PERINGKAT UiTM OLEH JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Bilik Mesyuarat Sidang, Aras 3 Pejabat Pendaftar, 21 Januari 2020 - Sesi naziran telah dilaksanakan oleh tiga orang pegawai dari Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Selain menyemak pelaksanaan dan perjalanan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) di peringkat UiTM, sesi santai bersama Presiden dan Setiausaha Kesatuan/Persatuan Dalam UiTM telah diadakan. Melalui sesi tersebut, pencerahan berhubung keahlian MBJ (Pihak Pekerja), agenda mesyuarat MBJ dan lain-lain telah disampaikan oleh pihak JPA. Alhamdulillah, melalui hasil kerjasama semua pihak sesi tersebut telah dapat dilaksanakan dengan lancar.



Bengkel Perancangan Strategik Pejabat Pendaftar

28 hingga 29 Januari 2020 - Perancangan Strategik Pejabat Pendaftar 2020-2025 merupakan panduan dan rujukan mengenai perancangan sumber manusia dan tadbir urus universiti yang diselaraskan dengan matlamat dan hala tuju strategik UiTM. Objektif utama Perancangan Strategik Pejabat Pendaftar 2020-2025:

- Perkongsian mengenai hala tuju Pelan Strategik UiTM 2025 - *Unleashing Potentials, Shaping The Future*
- Analisa pencapaian Perancangan Strategik Sumber Manusia 2016-2020 (Sehingga Dis 2019)
- Mengenalpasti isu dan cabaran baharu pengurusan sumber manusia dan tadbir urus melalui analisis PESTEL dan SWOT
- Mengenalpasti dan merangka inisiatif baharu selaras dengan matlamat Pelan Strategik UiTM 2025 - *Unleashing Potentials, Shaping The Future*

